

# Universiti Andalas, SCSB tandatangani MoU dengan UMS

UB 22.11.2013 A3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menandatangani memorandumpersfahaman (MoU) dengan Universiti Andalas (UNAND) dan Standard Chartered Siddiq Berhad (SCSB) pada satu

majlis di Galeri Majlis UMS.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd. Harun Abdullah mewakili UMS menandatangani MoU itu, manakala UNAND diwakili oleh Rektornya, Dr H Werry Darta Taifur

dan SCSB diwakili oleh Ketua Pegawai Operasinya, Mohd Nasiruddin Mohd Kamaruddin.

Majlis itu turut disaksikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tun Dato' Sri Zaki Tun Azmi dan Konsul Besar Republik

Indonesia, Soepeno Sahid.

Melalui kerjasama itu, UMS akan memperbaharui semula kerjasama yang terjalin dengan UNAND yang dilakukan pada tahun 2005 merangkumi kerjasama program mobiliti pelajar, perkongsian pengetahuan, kebudayaan dan kepakaran antara kedua-dua institusi pengajian tinggi berkenaan.

Manakala kerjasama UMS dengan SCSB bakal melibatkan penglibatan kedua-dua pihak dalam satu program ciptaan SCSB, iaitu "*Mystery Shopper & Calling Exercise*" yang akan menyaksikan pelajar-pelajar UMS diberi tugas sebagai pelanggan berpotensi SCSB dan akan menjalankan lawatan atau membuat panggilan telefon ke cawangan SCSB.

Terdahulu, Harun dalam ucapannya berkata kejayaan kerjasama yang terjalin pada MoU kali pertama antara UMS dan UNAND

pada 2005 mendorong UMS memperbaharui kerjasama itu untuk manfaat kedua-dua pihak.

Katanya UMS juga komited untuk menjalin kerjasama dan mengeratkan rangkaian dengan pemain industri seperti SCSB.

"Antara pencapaian yang terhasil dalam kerjasama UMS-UNAND sebelum ini ialah penganjuran siri persidangan antarabangsa Asian Academy of Applied Business, selain dua orang pensyarah dari UNAND telah berjaya menamatkan pengajian mereka di peringkat Doktor Falsafah di UMS.

"Melalui kerjasama dengan SCSB pula, penglibatan pelajar UMS dalam program SCSB akan memberi mereka pendedahan terhadap pengetahuan dalam bidang perbankan dan kewangan Islam, serta memberi peluang kepada mereka mengasah kemahiran komunikasi dan pemasaran," katanya.



**WERRY** (dua kiri) bertukar dokumen dengan Harun.